

29 AUG 1998

Mahathir-Islam

AMBIL INISIATIF BERI IDEA BERNAS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru masyarakat Islam mengambil inisiatif untuk memberi idea-idea, pilihan dan penyelesaian yang bernas, terutama dalam perbankan dan kewangan cara Islam.

Beliau berkata mereka harus lebih yakin dalam memberi tindakbalas kepada semua masalah kerana sistem kewangan Barat yang telah diterima oleh dunia untuk menolong golongan miskin sebenarnya telah memburukkan lagi keadaan kewangan.

Dalam ucapan penutupnya pada seminar "Perkhidmatan dan Produk Kewangan Cara Islam" yang diadakan di sini hari ini, beliau berkata: "Tidak wujud lagi akhlak di Barat kerana perkara yang paling penting bagi mereka hanyalah memaksimumkan keuntungan bagi kumpulan-kumpulan manusia yang berkepentingan.

"Kita menerima hakikat bahawa mereka membantu kita menjadi kaya melalui pelaburan mereka, tetapi tidak lama kemudian kita menjadi korup dan ini menyebabkan kita menjadi miskin semula," katanya.

Dr Mahathir berkata malah orang Barat sanggup mencari jalan untuk memiskinkan negara-negara dengan menurunkan nilai matawang, dan ini adalah ciptaan mereka sendiri untuk menjadikan negara-negara ini lebih miskin.

"Ini bukanlah kerana agama mereka atau sebagainya, ini hanya satu ciptaan yang akan membolehkan mereka menjadi kaya...sebabnya, mereka tidak merujuk kepada agama tentang apakah akhlak yang harus mereka amalkan dalam perkara ini," katanya.

Beliau berkata lebih banyak usaha bersama diperlukan untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah ekonomi seperti serangan matawang sekarang kerana usaha individu tidak akan menghasilkan kejayaan.

Untuk tujuan ini, Dr Mahathir menegaskan bahawa perbankan cara Islam adalah salah satu bahagian perdagangan yang paling penting.

"Kita telah mengamalkan sistem lama terlalu lama, dan tentu ada yang mengatakan bahawa kita harus membuang sistem lama yang berdasarkan kadar faaedah ini dan beralih kepada sistem Islam dengan segera dan secara menyeluruh.

Barangkali kita harus dan boleh berbuat demikian, tetapi kita perlu berhati-hati kerana jika kita gagal, kita akan menyebabkan Islam dipertikaikan (dan) dengan sebab itu kita perlu bergerak dengan berhati-hati," katanya.

Justeru itu, perlu wujud satu sistem yang serupa untuk membuktikan kita ada alternatif cara Islam dan ia boleh dilaksanakan, ujar Dr. Mahathir.

"Di Malaysia, kami telah mencuba dan sedikit sebanyak, kami telah berjaya, malah kami telah sampai kepada satu peringkat di mana orang bukan Islam turut mengkaji perbankan cara Islam untuk membiayai perusahaan mereka," katanya.

Dengan itu, katanya, terbukti bahawa perbankan cara Islam telah diterima di kalangan bukan Islam di Malaysia dan mungkin juga di negara-negara lain.

Bagaimanapun, oleh kerana perkembangan pesat dari segi urusan kewangan di seluruh dunia, perlulah dicari cara-cara baru menjalankan perniagaan dengan wang atau apa yang dipanggil alat kewangan baru.

"... jika tidak, kita mungkin gagal mengadakan alternatif yang boleh membuktikan bahawa sistem Islam boleh dilaksanakan dalam abad ke-20 dan ke-21," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa sistem kapitalisme barat telah menyusahkan negara-negara Islam yang kaya sehingga mereka langsung tidak dapat mengawal barangan yang mereka keluarkan dan jual di pasaran dunia.

"Allah telah mengurniakan lebih banyak deposit petroliam kepada negara-negara Islam daripada negara-negara lain. Kita sepatutnya benar-benar kaya tetapi sebaliknya tidak, kerana melalui beberapa kaedah tertentu, harga petrol dijatuhkan ke tahap yang begitu rendah sehinggakan negara-negara pengeluar petroleum kini menjadi lebih miskin daripada sebelumnya," katanya.

"Apa yang harus kita buat. Adakah kita hanya membiarkan orang lain menentukan harga atau adakah kita akan berbuat sesuatu.

"Kita hanya perlu mengambil keputusan bersama untuk mengurangkan petrol yang kita keluarkan, dan hampir serta merta harga petroliam akan meningkat, kita akan mendapat jumlah wang yang sama bagi petrol yang telah kurangkan pengeluarannya dan ini bererti deposit kita akan tahan lebih lama," katanya.

"Malangnya, perkara mudah inipun tidak dapat kita lakukan, jadi bagaimanakah kita menangani alat yang dicipta oleh kapitalis," tegas beliau.

Pada satu sesi dialog yang diadakan kemudiannya, beliau berkata agar negara-negara dapat mengurangkan pergantungan mereka kepada dolar Amerika, mulai sekarang perdagangan mestilah dijalankan dengan menggunakan matawang rakan-rakan perdagangan, kata Dr. Mahathir.

Contohnya, kata beliau, "jika kita membeli dari Jepun, kita bayar dalam yen, dengan Jerman kita bayar dalam mark Jerman dan tentulah jika kita beli dari Amerika Syarikat kita bayar dengan dolar."

Jika banyak negara berhenti menggunakan dolar Amerika, tentu banyak dolar Amerikabertaburan di seluruh dunia.

Bagi Malaysia, selain negara-negara Asean, ia telah mencapai persetujuan dengan Jepun dan Pakistan untuk menggunakan matawang mereka masing-masing untuk perdagangan, katanya.

Dr. Mahathir berharap negara-negara lain akan menggunakan matawang masing-masing dalam perdagangan dengan rakan perdagangan asing.

-- BERNAMA

AA/ARA KY JR